

Majlis Suai Mesra Kelab Ekonomi Perancangan dan Pembangunan berjalan meriah

iB 26.9.2019 8

KOTA KINABALU: Majlis Suai Mesra Kelab Ekonomi Perancangan dan Pembangunan 2019 baru-baru ini dijalankan dan mendapat sambutan yang meriah daripada pelajar baharu program itu dan juga barisan kakitangan akademiknya.

Terdahulu dalam ucapan perasmian program dan penyampaian taklimat kepada pelajar baharu program berkenaan, Ketua Program Ekonomi Perancangan dan Pembangunan Prof Madya Dr Janice Nga Lay Hui mengucapkan selamat datang

kepada pelajar baharu program berkenaan.

Beliau berharap semua pelajar dapat belajar dengan baik di UMS seterusnya menyumbang bukan sahaja kepada program sendiri tetapi juga kepada fakulti dan UMS amnya.

Presiden Kelab Ekonomi Perancangan dan Pembangunan Filiany Suleman berkata, melalui program seperti itu, pelajar baharu dapat mengetahui dengan lebih dekat pensyarah program dan juga kakak serta abang mereka di peringkat kelab.

Terdapat pelbagai pengisian juga yang disediakan khususnya kepada pelajar baharu sepanjang semester itu dan berikutnya bagi memastikan mereka dapat menyumbang dan bergiat aktif di dalam aktiviti pelajar di samping terus cemerlang di dalam bidang akademik masing-masing.

Dalam program Majlis Suai Mesra, terdapat beberapa pengisian yang dijalankan termasuklah sesi pengenalan kakitangan akademik program, sesi taklimat akademik, sesi perkongsian bersama pensyarah kanan program,

Prof Madya Dr Remali Yusoff serta sesi pengenalan Kelab Ekonomi Perancangan dan Pembangunan.

Majlis itu berjaya mengumpulkan seramai 80 pelajar baharu, lapan kaitangan akademik program, 10 ahli Majlis Tertinggi dan Majlis Eksekutif Kelab serta beberapa orang alumni dari program berkenaan.

Majlis diadakan di Dewan Kuliah Pusat ke 3 Universiti Malaysia Sabah dan menjadi sebahagian daripada pengisian Minggu Suai Mesra UMS ke 25 sesi 2019/2020 UMS.



KELAB EKONOMI: Sesi bergambar bersama Janice, barisan pensyarah program, MT dan ME Kelab HE05 serta pelajar Tahun 1.